



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING AM BILANGAN 3 TAHUN 2014

TATACARA PENGGANTUNGAN POTRET RASMI

JABATAN PERDANA MENTERI

21 FEBRUARI 2014

Dikelilingkan kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan



**JABATAN PERDANA MENTERI
KOMPLEKS JABATAN PERDANA MENTERI
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62502 PUTRAJAYA**

Telefon : 03-8000 8000
Faks : 03-8888 3940
Laman Web : <http://www.istiadat.gov.my>

Ruj. Kami : PM11183 Jld.9 (20)
Tarikh : 21 Februari 2014

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

SURAT PEKELILING AM BILANGAN 3 TAHUN 2014

TATACARA PENGGANTUNGAN POTRET RASMI

TUJUAN

Surat Pekeliling Am ini bertujuan untuk menjelaskan tatacara penggantungan Potret Rasmi di Kementerian/Jabatan/Agensi Persekutuan bagi memastikan keseragaman dalam pelaksanaannya.

TAFSIRAN

2. “Potret Rasmi” bagi maksud Surat Pekeliling ini adalah merujuk kepada potret rasmi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Duli Yang Maha Mulia Sultan, Duli Yang Maha Mulia Sultanah, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri dan isteri serta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar/ Ketua Menteri yang diedarkan oleh Jabatan Penerangan Persekutuan/Negeri bagi digantungkan di Kementerian/Jabatan/Agensi Persekutuan.

LATAR BELAKANG

3. Pekeliling Am - *General Circular Memorandum No. 7 of 1958: “The Display of Pictures of Their Majesties, the Yang di-Pertuan Agong and the Raja Permaisuri Agong and the Prime Minister”* bertarikh 15 Februari 1958 dan surat rasmi bertajuk “*The Display of Pictures of Their Majesties, the Yang di-Pertuan Agong and the Raja Permaisuri Agong, Their Highnesses the Rulers, Their Excellencies the Governors, and Her Majesty Queen Elizabeth II and His Royal Highness Prince Phillip*” bertarikh 29 Mac 1958 merupakan Pekeliling Am dan surat rasmi yang dijadikan asas utama dalam tatacara penggantungan potret rasmi pada masa ini.

4. Mengambil kira perkembangan dan keperluan semasa maka Pekeliling Am – *General Circular Memorandum No. 7 of 1958* dan surat rasmi bertarikh 29 Mac 1958 dipinda dan ditambah baik bagi memberi panduan yang lebih jelas, lengkap dan terkini mengenai

tatacara penggantungan Potret Rasmi di Kementerian/Jabatan/Agensi Persekutuan.

5. Tujuan penggantungan Potret Rasmi ini adalah bagi memberi penghormatan dan pemakluman mengenai:

- a) Kedudukan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong selaku Ketua Utama Negara bagi Persekutuan;
- b) Kedudukan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong selaku orang yang mengambil keutamaan daripada segala orang lain di dalam Persekutuan;
- c) Kedudukan Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Sultanah, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri dan isteri Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri selaku orang yang mengambil keutamaan mengatasi orang lain dalam negerinya sendiri
- d) Kedudukan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Ketua Kerajaan Persekutuan; dan
- e) Kedudukan Yang Amat Berhormat Menteri Besar/Ketua Menteri selaku Ketua Kerajaan Negeri.

PELAKSANAAN

6. Semua Ketua Jabatan di Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Potret Rasmi digantung dengan cara yang betul berpandukan tatacara yang telah ditetapkan di dalam Surat Pekeliling ini. Potret Rasmi ini juga digalakkan untuk digantung di dalam bangunan-bangunan awam dan swasta,

bangunan milik persatuan/pertubuhan, ruang perniagaan, bangunan persendirian dan lain-lain.

7. Pemilihan ruang untuk menggantung potret rasmi mestilah menggambarkan penghormatan yang diberikan dan menepati tujuan utama Potret Rasmi tersebut digantung.

8. Selain daripada potret-potret rasmi yang dinyatakan di atas terutamanya bagi kementerian/jabatan/agensi Kerajaan dan badan-badan berkanun Persekutuan potret-potret lain adalah tidak digalakkan untuk digantung.

9. Potret Rasmi hendaklah digantung mengikut susunan keutamaan berdasarkan tiga kategori lokasi seperti berikut:

- a) Lokasi 1 - Wilayah Persekutuan;
- b) Lokasi 2 - negeri-negeri beraja; dan
- c) Lokasi 3 - negeri-negeri tidak beraja.

10. Elemen-elemen bagi penggantungan Potret Rasmi adalah seperti di **Lampiran A** dan susun atur penggantungan Potret Rasmi mengikut lokasi adalah seperti di **Lampiran B**.

BEKALAN POTRET RASMI

11. Bagi Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan, badan-badan berkanun Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan, badan-badan swasta dan orang perseorangan yang berada di Wilayah Persekutuan bekalan potret rasmi boleh didapati daripada:

Pusat Sumber dan Fotografi
Jabatan Penerangan Malaysia
Aras 9, Kompleks KKMM
No. 49, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA, MALAYSIA
No. Tel. : 03-8911 3440 sambungan 7418/7421

12. Bagi Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan dan Negeri, badan-badan berkanun Persekutuan dan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, swasta dan orang perseorangan yang berada di negeri-negeri, bekalan Potret Rasmi boleh didapati daripada Jabatan Penerangan di negeri masing-masing.

PEMAKAIAN

13. Semua Kementerian/Jabatan/Agensi Persekutuan hendaklah mengguna pakai Surat Pekeliling Am ini sebagai rujukan bagi penggantungan Potret Rasmi di tempat masing-masing.

14. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Surat Pekeliling Am ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan.

TARIKH KUAT KUASA

15. Surat Pekeliling Am ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PEMBATALAN

16. Dengan berkuat kuasanya Surat Pekeliling Am ini, Pekeliling Am - "*General Circular Memorandum No.7 of 1958*" bertarikh 15 Februari 1958 dan surat rasmi bertarikh 29 Mac 1958 dibatalkan.

PERTANYAAN

17. Sebarang pertanyaan mengenai Surat Pekeliling Am ini boleh ditujukan kepada:

Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa
Jabatan Perdana Menteri
Aras 5-6, Blok B3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA, MALAYSIA

No. Tel. : 03-8000 8000
No. Faks : 03-8888 3940
E-mel : webadmin@istiadat.gov.my

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"




(TAN SRI DR. ALI BIN HAMSA)

Ketua Setiausaha Negara

21 Februari 2014

Elemen-elemen bagi Penggantungan Potret Rasmi

- a) Paras ketinggian untuk menggantung Potret Rasmi hendaklah bersesuaian dengan ruang agar mudah dilihat



- b) Potret Rasmi digantung pada dua (2) aras yang berbeza iaitu:


i. Aras 1

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Duli Yang Maha Mulia Sultan, Duli Yang Maha Mulia Sultanah, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri dan isteri Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri; dan


ii. Aras 2

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar/Ketua Menteri.

- Jarak antara potret sekurang-kurangnya 10 sentimeter/empat inci dan jarak antara aras 1 dan aras 2 adalah sekurang-kurangnya 10 sentimeter/empat inci



- c) Keluasan ruang yang bersesuaian dengan saiz potret rasmi




- d) Digantungkan pada ruang yang mudah dilihat oleh orang ramai/ tempat tumpuan orang ramai contohnya di bilik mesyuarat utama, lobi utama bangunan, auditorium dan perpustakaan


- e) Tidak digantung bersama-sama perhiasan/ barang-barang yang lain contohnya jam, bunga, gambar perhiasan atau seumpamanya



- f) Tidak digantungkan dalam keadaan terpisah contohnya di antara jata/logo, pintu, almari, langsir atau seumpamanya



- g) Sekiranya Potret Rasmi tersebut digantungkan di dalam satu ruangan yang luas seperti contoh dewan/balai raya maka potret rasmi tersebut bolehlah digantungkan berasingan namun masih mengikut susunan keutamaannya dan hendaklah bersesuaian dengan ruangan tersebut



- h) Menggunakan bingkai gambar yang bersesuaian dengan saiz potret rasmi dan dalam keadaan yang sempurna




- i) Memastikan Potret Rasmi yang digantung merupakan potret rasmi yang terkini dan dalam keadaan sempurna.
- Potret Rasmi hendaklah diganti setiap kali berlakunya pelantikan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang baru dan pertukaran ini bersekali dengan Potret Rasmi Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.
 - Potret Rasmi Ketua Kerajaan juga haruslah diganti setiap kali terdapat pertukaran Ketua Kerajaan.
 - Bagi Potret Rasmi yang lama bolehlah disimpan atau sekiranya hendak dilupuskan haruslah dilakukan secara tertutup dan tidak secara terang-terangan.
 - Potret Rasmi yang digantung hendaklah dalam keadaan sempurna iaitu tidak dalam keadaan lusuh, koyak atau seumpamanya.

Susun atur Penggantungan Potret Rasmi mengikut lokasi


a) Lokasi 1

Susun atur di Wilayah Persekutuan



b) Lokasi 2

i. Susun Atur di negeri-negeri beraja



- ii. Susun atur di negeri-negeri beraja yang tidak mempunyai DYMM Sultanah



- Susun atur Potret Rasmi di peringkat negeri masih tertakluk kepada protokol negeri masing-masing terutama sekali bagi negeri-negeri yang mempunyai Potret Rasmi yang lebih kompleks;

c) Lokasi 3

- i. Susun atur di negeri-negeri tidak beraja

